

Headline	Mini Agro platform usahawan promosi produk, tembusi pasaran lebih luas		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	04 Dec 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	35	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	339 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,375
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,124



Mini Agro platform usahawan promosi produk, tembusi pasaran lebih luas

MERSING - Penganjuran Mini Agro Johor di daerah ini dilihat menjadi platform untuk usahawan di Mersing mempromosikan produk mereka kepada orang ramai.

Pegawai Daerah Mersing, Ashari Kasnan berkata, kini sudah banyak produk tempatan yang bermutu tinggi dan berjaya menembusi pasaran besar.

"Banyak produk tempatan kita yang bermutu tinggi dan berjaya menembusi pasaran serta memasuki pasar raya besar.

"Malah tidak kurang juga yang telah berjaya menembusi pasaran ke luar negara. Ini merupakan kejayaan yang membanggakan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, usaha itu antara pencapaian yang boleh menjadi inspirasi buat usahawan muda di daerah ini menceburi bidang yang berkaitan.

Menurutnya, penduduk di daerah ini antara yang bertuah kerana dapat menambah ilmu pengetahuan sepanjang penganjuran Mini Agro Johor itu.



Ismail (dua kanan) melakukan lawatan dan mengunjungi reruai usahawan dalam program Mini Agro Johor yang diadakan.

"Penduduk di Mersing dapat peluang tambah pengetahuan selain bina kerjaya dalam bidang pertanian dan industri asas tani melalui penganjuran seperti ini.

"Sektor pertanian dan industri asas tani dapat membantu menambahkan pendapatan usahawan kita," katanya.

Sementara itu, Fama juga menyambut baik cadangan Ashari untuk menghidupkan suasana di Pasar Komuniti dan Karavan (Pakar) Mersing dengan pelbagai aktiviti.

Pengarah Fama Negeri Johor, Zainal Abidin Yang Razali berkata, pihaknya sentiasa bersedia

menerima apa sahaja cadangan bagi menambah baik usaha memeriahkan Pakar di negeri ini.

"Tuan pegawai daerah kata Pakar ini tempat baik namun aktiviti perlu dipertingkatkan. Ini supaya ia boleh beri manfaat kepada rakyat di daerah ini. Insya-ALLAH tuan, kami akan pastikan Pakar ini

berfungsi dengan sebaiknya.

"Pakar ini adalah antara yang terawal dibina di seluruh Malaysia. Kita sentiasa mengalu-alukan mana-mana agensi, NGO (badan bukan kerajaan) untuk menggunakan kemudahan yang ada di sini. Kita juga akan memberikan kerjasama sebaik mungkin," katanya.